

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD
YUNUS [HULU LANGAT]
TARIKH : 06 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS [HULU LANGAT]
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status *Central Credit Reference Information System(CCRIS)-Web Base Online System* yang Bank Negara Malaysia bangunkan,dan mengapakah ada kelewatan pada projek tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Central Credit Reference Information System-Web Based Online System atau lebih dikenali dengan nama singkatnya eCCRIS merupakan platform yang dibangunkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) untuk memudahkan orang ramai membuat semakan laporan CCRIS mereka secara atas talian, di mana-mana sahaja dan pada bila-bila waktu.

eCCRIS ini telah mula beroperasi sejak Januari 2018 dan masih berterusan sehingga ke hari ini. Sejak ia mula beroperasi, eCCRIS telah melalui beberapa fasa penambahbaikan termasuklah infrastruktur teknikal untuk memastikan ia dapat beroperasi di tahap yang optimum.

Sejajar dengan inisiatif BNM untuk mendigitalkan perkhidmatan kewangan dan memanfaatkan inovasi dan teknologi, eCCRIS kini sedang melalui satu lagi fasa penambahbaikan. Proses penambahbaikan eCCRIS ini, walau bagaimanapun tidak menjejaskan operasi eCCRIS memandangkan proses sedia ada untuk mendaftar akaun eCCRIS dan mendapatkan laporan CCRIS melalui eCCRIS masih tersedia seperti biasa.

Kaedah baharu yang lebih cekap dan pantas bakal diperkenalkan di mana orang ramai yang memiliki perbankan dalam talian (atau '*online banking*') dengan mana-mana institusi kewangan di Malaysia boleh mendaftar akaun eCCRIS mereka tanpa perlu menyediakan dokumen pengesahan atau hadir ke pejabat BNM atau Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). Untuk tujuan itu, eCCRIS akan berintegrasi dengan platform dalam talian yang digunapakai oleh institusi kewangan di Malaysia dan ia dijangka akan selesai menjelang suku pertama tahun 2022.

Sekian, terima kasih.